

BAB IV

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJI

4.0 Pendahuluan

Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan analisis data berdasarkan soalan-soalan kajian dengan tema-tema berikut:

Jumlah cerita

1. Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir.
2. Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir
3. Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah cerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan.

Jumlah Unit Tatacerita

4. Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir.
5. Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir

6. Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi unit tatacerita yang diingat semula seperti berikut:

- a. Latar
- b. Permulaan
- c. Reaksi
- d. Percubaan
- e. Akibat
- f. Kesudahan

Jumlah Episod

7. Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir
8. Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir
9. Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi episod yang diingat semula.

4.1 Jumlah cerita

Bahagian ini ingin menjawab soalan kajian pertama iaitu, ‘Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca mahir dalam jumlah cerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?’

1. Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir

Jadual 1

Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir

Unit Tatacerita	Jumlah	Peratus
Latar	92	15.49
Permulaan	96	16.16
Reaksi	87	14.65
Percubaan	58	9.76
Akibat	76	12.79
Kesudahan	98	16.50
Jumlah	507	85.35

Jadual 1 memperlihatkan jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir. Peratus yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir adalah sebanyak 85.35%.

2. Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir

Jadual 2

**Jumlah cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang
mahir**

Unit Tatacerita	Jumlah	Peratus
Latar	81	13.64
Permulaan	79	13.30
Reaksi	72	12.12
Percubaan	51	8.59
Akibat	66	11.11
Kesudahan	85	14.30
Jumlah	434	73.06

Sebagaimana yang dipaparkan dalam Jadual 2, peratusan keseluruhan cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir adalah sebanyak 73.06%

- 3 Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah cerita yang diingat semula.

Jadual 3

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah cerita yang diingat semula

Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
507	85.35	434	73.06	73	12.29

Jadual 3 di atas memperlihatkan perbandingan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah cerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan. Sebagaimana yang telah dijangkakan, pencapaian kumpulan pembaca mahir adalah lebih baik daripada pencapaian kumpulan pembaca kurang mahir. Peratus cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir melebihi peratus cerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 12.29%. Ini menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara

4.2 Jumlah Unit Tatacerita

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian kedua iaitu, adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi unit tatacerita yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan ?.

Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir

Jadual 4

Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir

Unit tatacerita	Jumlah	Peratus
Latar	92	83.64
Permulaan	96	87.27
Reaksi	87	79.09
Percubaan	58	87.87
Akibat	76	86.36
Kesudahan	98	89.09

Jadual 4 menunjukkan jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir. Kesudahan menduduki tempat tertinggi dengan peratusan sebanyak 89.09%. Ini diikuti dengan Percubaan (87.87%), Permulaan (87.27%), Akibat (86.36%) dan Latar (83.64%). Berada dikedudukan yang paling rendah ialah Reaksi dengan peratusan sebanyak 79.09%.

5. Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir

Jadual 5

Jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan kurang mahir

Unit tatacerita	Jumlah	Peratus
Latar	81	73.64
Permulaan	79	71.82
Reaksi	72	65.45
Percubaan	51	77.27
Akibat	66	75.00
Kesudahan	85	77.27

Jadual 5 memaparkan jumlah unit tatacerita yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir. Kesudahan dan Percubaan menduduki tempat teratas dengan peratusan sebanyak 77.27%. Ini disusuli dengan Akibat (75.00%), Latar (73.64%), Permulaan (71.82%) dan Reaksi (65.45%)

6. Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi unit tatacerita yang diingat semula .

Jadual 6

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Latar yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Latar	92	83.64	81	73.64	11	10.0

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6, kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Latar yang diingat semula sebanyak 10.0%. Ini berdasarkan kepada 83.64% Latar yang diingat semula oleh pembaca mahir berbanding dengan 73.64% Latar yang diingat semula oleh pembaca kurang mahir. Ini memperlihatkan perbezaan yang tidak ketara di antara kedua-dua kumpulan.

Jadual 7

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Permulaan yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Permulaan	96	87.27	79	71.82	17	15.45

Jadual 7 menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara di ketara diantara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dalam mengingat semula Permulaan. Berbanding dengan kumpulan pembaca kurang mahir, pembaca mahir memperoleh 87.27% mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 15.45%. Sementara peratusan bagi kumpulan pembaca kurang mahir adalah sebanyak 71.82%.

Jadual 8

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Reaksi yang diingat semula

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Reaksi	87	79.09	72	65.45	15	13.64

Jadual 8 menunjukkan pencapaian yang diperoleh oleh kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Reaksi yang diingat semula. Kumpulan pembaca mahir mengingat semula Reaksi lebih daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir memperoleh 79.09%. Manakala kumpulan pembaca kurang mahir memperoleh 65.45%. Ini bermakna kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Reaksi yang diingat semula sebanyak 13.64%.

Jadual 9

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Percubaan yang diingat semula

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Percubaan	58	87.87	51	77.27	7	10.60

Sebagaimana yang dilaporkan dalam Jadual 9 di atas, kumpulan pembaca mahir mengingat semula 87.87% Percubaan berbanding dengan 77.27% yang diperoleh kumpulan pembaca kurang mahir. Ini jelas menunjukkan perbezaan yang tidak begitu ketara dengan pembaca mahir mengatasi pembaca kurang mahir sebanyak 10.60% dari segi mengingat semula Percubaan.

Jadual 10

**Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan
pembaca kurang mahir dari segi Akibat yang diingat semula**

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Akibat	76	86.36	66	75.00	10	11.36

Jadual 10 mempamerkan keputusan yang menunjukkan kuantiti yang diingat semula dari segi Akibat bagi kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir dengan peratusan sebanyak 86.36% mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 11.36%. Ini bermakna kumpulan pembaca kurang mahir hanya memperoleh 75.00%. Walaupun wujud perbezaan, perbezaan ini tidaklah begitu ketara.

Jadual 11

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Kesudahan yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Unit Tatacerita	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Kesudahan	98	89.09	85	77.27	13	11.82

Jadual 11 menunjukkan bahawa apabila dibandingkan dengan kumpulan pembaca kurang mahir, kumpulan pembaca mahir memperoleh 89.09%, iaitu 11.82% melebihi kumpulan pembaca kurang mahir dari segi Kesudahan yang diingat semula. Perbezaan yang wujud ini bukanlah perbezaan yang besar. Kumpulan pembaca kurang mahir mencatat peratusan sebanyak 77.27%.

4.3 Jumlah episod

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang ketiga iaitu ‘Adakah terdapat perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca

kurang mahir dari segi jumlah episod yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan?'

7. Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir

Jadual 12

**Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan
pembaca mahir**

Episod	Jumlah	Peratus
Episod 1	122	92.42
Episod 2	81	73.64
Episod 3	75	85.22
Episod 4	112	84.85
Episod 5	117	88.64

Jadual 12 menunjukkan jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir. Pada keseluruhannya episod satu mengatasi episod-episod yang lain dari segi peratusan yang mengingat semula. Berdasarkan jadual di atas, kumpulan pembaca mahir mengingat semula episod satu sebanyak 92.42%. Ini diikuti dengan episod lima (88.64%); episod tiga (85.22%); episod empat (84.85), dan episod dua (73.64%).

8. Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir

Jadual 13

**Jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca
kurang mahir**

Episod	Jumlah	Peratus
Episod 1	106	80.30
Episod 2	71	64.55
Episod 3	62	70.45
Episod 4	98	74.24
Episod 5	97	73.48

Jadual 13 memaparkan keputusan yang menunjukkan jumlah episod yang diingat semula oleh kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca kurang mahir mengingat semula episod 1 sebanyak 80.30%. Ini merupakan peratusan yang tertinggi berbanding dengan empat episod yang lain. Seterusnya diikuti dengan episod empat (74.24%); episod 5 (73.48%); episod tiga (70.45%), dan episod 2 (64.55%).

9. Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Jadual 14

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 1 yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Episod	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Episod 1	122	92.42	106	80.30	16	12.12

Jadual 14 menunjukkan bahawa apabila dibandingkan dengan kumpulan pembaca kurang mahir, kumpulan pembaca mahir mengingat semula episod satu lebih daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 12.12%

Jadual 15

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 2 yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Episod	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Episod 2	81	73.64	71	64.55	10	9.09

Seperti yang dilaporkan dalam Jadual 15 di atas, kumpulan pembaca mahir mengingat semula episod 2 lebih banyak daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Walaupun begitu perbezaan ini merupakan perbezaan yang kecil sahaja. Berdasarkan jadual, perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dalam mengingat semula episod 2 adalah sebanyak 9.09%.

Jadual 16

Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 3 yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan

Episod	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Episod 3	75	85.22	62	70.45	13	14.77

Jadual 16 memperlihatkan keputusan yang menunjukkan jumlah episod 3 yang diingat semula oleh kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir mengingat semula episod 3 lebih banyak daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Dengan hanya memperoleh 70.45%, kumpulan pembaca kurang mahir terkebelakang daripada kumpulan pembaca mahir sebanyak 14.77%. Ini bermakna kumpulan pembaca mahir mengingat semula episod 3 sebanyak 85.22%

Jadual 17

**Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan
pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 4
yang diingat oleh kedua-dua kumpulan**

Episod	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Episod 4	112	84.85	98	74.24	14	10.61

Jadual 17 menunjukkan perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 4 yang diingat semula oleh kedua-dua kumpulan. Kumpulan pembaca mahir mencatakan peratusan yang lebih tinggi daripada kumpulan pembaca kurang mahir. Kumpulan pembaca mahir memperoleh 84.85%. Sementara kumpulan pembaca kurang mahir memperoleh 74.24%. Ini jel;as menunjukkan bahawa kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 10.61%

Jadual 18

**Perbezaan di antara kumpulan pembaca mahir dan kumpulan
 pembaca kurang mahir dari segi jumlah episod 5 yang
 diingat semula oleh kedua-dua kumpulan**

Episod	Pembaca Mahir		Pembaca Kurang Mahir		Perbezaan	
	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus	Jumlah	Peratus
Episod 5	117	88.64	97	73.48	20	15.16

Jadual 18 memperhatikan kumpulan pembaca mahir mengatasi kumpulan pembaca kurang mahir dari segi mengingat semula episod 5 sebanyak 15.16%. Kumpulan pembaca mahir mencatatkan peratusan sebanyak 88.64%. Berbanding kumpulan pembaca kurang mahir sebanyak 73.48%..